

KESAN NEGATIF GLOBALISASI TERHADAP WANITA ISLAM DAN PENYELESAIANNYA

Kamarul Azmi Jasmi
Nur Amirah Mohd Rashid

Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia

Suggested Citation:

Jasmi, K. A. & Nur Amirah Mohd Rashid (2008). Kesan Negatif Globalisasi terhadap Wanita Islam dan Penyelesaiannya in *Isu Wanita dalam Perundangan Islam*. Skudai, Johor Baru: Universiti Teknologi Press, pp. 108-129. ISBN: 978-983-52-0506-4.

Pendahuluan

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga, globalisasi bermaksud fenomena yang menyebabkan dunia kelihatan mengecil daripada segi perhubungan manusia disebabkan kepantasan perkembangan teknologi maklumat. Menurut Martin (1990) dalam Fariza (2000), globalisasi merujuk kepada semua proses yang mana manusia di dunia ini akan bersatu dan menjadikannya satu masyarakat dunia (single word society) atau masyarakat global (Fariza Md. Sham, et. al, 2000:13).

Ini bermakna, globalisasi merupakan satu proses; bukan keadaan di mana sempadan negeri semakin runtuh dan seluruh dunia ini berubah menjadi satu unit. Dengan perkembangan telekomunikasi yang canggih dan pengaruh teknologi maklumat termasuk wujudnya 'masyarakat internet' di seluruh dunia, maka pengaliran maklumat berlaku dengan begitu pantas, sukar dikawal dan mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan terutamanya terhadap kaum wanita Islam.

Globalisasi dalam bahasa Perancis iaitu *monodialisasion* yang bermakna menjadikan sesuatu bersifat internasional. Menurut Yusuf al-Qaradhawi, perkataan *monodialisasion* ini merupakan terjemahan daripada bahasa Inggeris iaitu *globalization* yang pertama kali muncul di Amerika (al-Qaradhawi, 2001:23). John Naisbitt menggunakan istilah *globalization* dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, politik, sosial, komunikasi dan lain-lain yang membawa maksud luas, menyeluruh dan meliputi keseluruhannya (Ghazali Darussalam, 1998:108).

Menurut al-Qaradhawi, "Globalisasi juga bermakna pemaksaan yang dilakukan oleh Amerika terhadap bangsa-bangsa di dunia dan tidak terkecuali negara-negara Islam untuk menerima budaya dan pemikiran Barat yang berdasarkan kepada falsafah kebendaan dan kebebasan hingga kepada pemikiran 'serba boleh'." Oleh itu, globalisasi yang berlaku pada hari ini lebih dikenali sebagai westernisasi dunia atau dengan ungkapan lain, Amerikasasi dunia (al-Qaradhawi, 2001:28).

Kesan globalisasi ini bukan sahaja menimpa umat Islam pada masa kini, namun ia telah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. sejak 1400 tahun yang lalu. Abu Said r.a melaporkan, Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sudah pastinya kamu akan mengikut cara hidup umat sebelum kamu sejengkal demi sejengkal, sehasta demi sehasta sehingga jika mereka masuk ke lubang Dhab sekalipun, kamu tetap mengikutnya." Kami bertanya, "Wahai Rasulullah, adakah tuan maksudkan orang Yahudi dan Nasrani?" Rasulullah menjawab. "Siapa lagi (kalau bukan mereka)." (al-Bukhari, 1994:190/8; Muslim, 2001:1000)

Hadith tersebut menjelaskan, umat Nabi Muhammad s.a.w. akan mengikut cara hidup kaum Yahudi dan Nasrani sedikit demi sedikit. Gambaran inilah yang terjadi pada masa kini dalam era globalisasi yang dipelopori oleh masyarakat di barat sehingga menimbulkan pergolakan dalam kehidupan seharian sebagai seorang muslim. Jika hendak dibahaskan tentang kesan globalisasi terhadap masyarakat, ruang lingkupnya amat luas. Oleh itu, penulis hanya akan membincangkan tentang kesan-kesan negatif globalisasi terhadap wanita Islam dalam kehidupan seharian.

Wanita merupakan tulang dalam keluarga dan berperanan penting bagi mendidik anak-anak. Sekiranya wanita telah terpengaruh dengan dakyah-dakyah yang dibawa oleh egen-egen globalisasi, bagaimana untuk membentuk anak-anak menjadi manusia yang soleh? Persoalan ni perlu dibincangkan supaya kesan negatif ini tidak terus menular dan 'mengasyikkan' wanita muslimah.

Arief Salleh Rosman

Isu Wanita dalam Perundangan Islam

Isu Wanita dalam Perundangan Islam

Arief Salleh Rosman



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Penerbit:
UTM Press



ISBN 978-983-52-0506-4



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Isu Wanita dalam Perundangan Islam

Isu Wanita dalam Perundangan Islam

Editor

Arief Salleh Rosman



www.penerbit.utm.my

2008

Edisi Pertama 2008
© ARIEFF SALLEH ROSMAN 2008

Hak cipta terpelihara. Tiada dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Skudai, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Isu wanita dalam perundangan Islam / editor Arieff Salleh Rosman.

Mengandungi indeks

ISBN 978-983-52-0506-4

1. Women--Legal status, laws, etc. (Islamic law). 2. Women in Islam.

I. Arieff Salleh Rosman, 1975-. II. Judul.

340.59082

Pereka Kulit: **MOHD ASMAWIDIN BIDIN**

Diatur huruf oleh / Typeset by
ARIEFF SALLEH ROSMAN & RAKAN-RAKAN
Pusat Pengajian Islam & Pembangunan Sosial
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Skudai
Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by

PENERBIT

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
34 – 38, Jalan Kebudayaan 1, Taman Universiti,
81300 Skudai,
Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

(PENERBIT UTM anggota PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA/
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION dengan no. keahlian 9101)

Dicetak di Malaysia oleh / Printed in Malaysia by

UNIVISION PRESS
Lot 47 & 48, Jalan SR 1/9, Seksyen 9
Jln. Serdang Raya, Tmn Serdang Raya
43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

KANDUNGAN

Prakata		vii
Bab 1	Hak Dan Peranan Wanita Dalam Al-Quran Yahaya Jusoh & Azhar Muhammad	1
Bab 2	Kedudukan Wanita Dalam Undang-Undang Keluarga Islam: Kajian Tentang Hadanah Nurazmallail Marni, Mohd Zohdi Mohd Amin, Norzulaili Mohd Ghazali & Ruzana Abu Nasir	19
Bab 3	Perlantikan Hakim Wanita: Satu Analisa Ringkas Husin Junoh, Habibah Awang, Mohamed Fadzli Hj. Hassan, Ahmad Muhyiddin Hj. Hassan & Sayed Mahussain Sayed Ahmad	34
Bab 4	Larangan Melantik Wanita Sebagai Hakim Dalam Sistem Kehakiman Islam: Satu Kritikan Arieff Salleh Rosman	48
Bab 5	Keganasan Terhadap Wanita: Metodologi Penyelesaian Islam Mohd Nasir Ripin & Aminuddin Ruskam	75

Bab 6	Fenomena Kahwin Singkat Di Kalangan Pasangan Islam: Cabaran Terhadap Wanita Islam Masa Kini	93
	Siti Norlina Muhamad, Abdul Hafiz Abdullah, Ahmad Kilani Mohamed & Maznah Ali	
Bab 7	Kesan Negatif Globalisasi Terhadap Wanita Islam Dan Penyelesaiannya	108
	Kamarul Azmi Jasmi & Nur Amiran Mohd Rashid	
Indeks		129

7

KESAN NEGATIF GLOBALISASI TERHADAP WANITA ISLAM DAN PENYELESAIANNYA

Kamarul Azmi Jasmi
Nur Amirah Mohd Rashid

PENDAHULUAN

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga, globalisasi bermaksud fenomena yang menyebabkan dunia kelihatan mengecil daripada segi perhubungan manusia disebabkan kepantasan perkembangan teknologi maklumat. Menurut Martin (1990) dalam Fariza (2000), globalisasi merujuk kepada semua proses yang mana manusia di dunia ini akan bersatu dan menjadikannya satu masyarakat dunia (single world society) atau masyarakat global (Fariza Md. Sham, et. al, 2000:13).

Ini bermakna, globalisasi merupakan satu proses; bukan keadaan di mana sempadan negeri semakin runtuh dan seluruh dunia ini berubah menjadi satu unit. Dengan perkembangan telekomunikasi yang canggih dan pengaruh teknologi maklumat termasuk wujudnya 'masyarakat internet' di seluruh dunia, maka pengaliran maklumat berlaku dengan begitu pantas, sukar dikawal dan mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan terutamanya terhadap kaum wanita Islam.

Globalisasi dalam bahasa Perancis iaitu monodialisasi yang bermakna menjadikan sesuatu bersifat internasional. Menurut Yusuf al-Qaradhawi, perkataan monodialisasi ini merupakan terjemahan daripada bahasa Inggeris iaitu globalization yang pertama kali muncul di Amerika (al-Qaradhawi, 2001:23). John

Naisbitt menggunakan istilah globalization dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, politik, sosial, komunikasi dan lain-lain yang membawa maksud luas, menyeluruh dan meliputi keseluruhannya (Ghazali Darussalam, 1998:108).

Menurut al-Qaradhawi, “Globalisasi juga bermakna pemaksaan yang dilakukan oleh Amerika terhadap bangsa-bangsa di dunia dan tidak terkecuali negara-negara Islam untuk menerima budaya dan pemikiran Barat yang berdasarkan kepada falsafah kebendaan dan kebebasan hingga kepada pemikiran ‘serba boleh’.” Oleh itu, globalisasi yang berlaku pada hari ini lebih dikenali sebagai westernisasi dunia atau dengan ungkapan lain, Amerikasasi dunia (al-Qaradhawi, 2001:28).

Kesan globalisasi ini bukan sahaja menimpa umat Islam pada masa kini, namun ia telah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. sejak 1400 tahun yang lalu. Abu Said r.a melaporkan, Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sudah pastinya kamu akan mengikut cara hidup umat sebelum kamu sejengkal demi sejengkal, sehasta demi sehasta sehingga jika mereka masuk ke lubang Dhab sekalipun, kamu tetap mengikutnya.” Kami bertanya, “Wahai Rasulullah, adakah tuan maksudkan orang Yahudi dan Nasrani?” Rasulullah menjawab. “Siapa lagi (kalau bukan mereka).” (al-Bukhari, 1994:190/8; Muslim, 2001:1000)

Hadith tersebut menjelaskan, umat Nabi Muhammad s.a.w. akan mengikut cara hidup kaum Yahudi dan Nasrani sedikit demi sedikit. Gambaran inilah yang terjadi pada masa kini dalam era globalisasi yang dipelopori oleh masyarakat di barat sehingga menimbulkan pergolakan dalam kehidupan seharian sebagai seorang muslim. Jika hendak dibahaskan tentang kesan globalisasi terhadap masyarakat, ruang lingkupnya amat luas. Oleh itu, penulis hanya akan membincangkan tentang kesan-kesan negatif globalisasi terhadap wanita Islam dalam kehidupan seharian.

Wanita merupakan tulang dalam keluarga dan berperanan penting bagi mendidik anak-anak. Sekiranya wanita telah terpengaruh dengan dakyah-dakyah yang dibawa oleh egen-egen globalisasi, bagaimana untuk membentuk anak-anak menjadi manusia yang soleh? Persoalan ni perlu dibincangkan supaya

kesan negatif ini tidak terus menular dan ‘mengasyikkan’ wanita muslimah.

KESAN NEGATIF GLOBALISASI

Kewujudan ‘dunia tanpa sempadan’ memberi impak yang besar kepada kehidupan manusia bukan sekadar impak yang positif ke arah kehidupan yang lebih selesa dan mudah malah ia juga melahirkan kesan negatif kepada sesuatu masyarakat terutamanya terhadap wanita Islam masa kini. Antara kesan-kesan negatif yang dihasilkan oleh ‘dunia global’ terhadap wanita lain ialah:

1) Politik

Penglibatan wanita dalam politik masa kini amat memberangsangkan. Kuasa dan pengaruh yang dimiliki ini jelas dilihat terutamanya di kalangan pemimpin wanita di benua Asia yang begitu sinonim dengan kedua-dua negara wanita seperti Glorio Arroyo Macapagal dan Megawati Sukarnoputri. Penglibatan wanita dalam bidang warisan keluarga atau melalui sistem pemerintahan demokrasi (Mohd Fitri Aziz Mohd Yusof, 2004).

Perkataan demokrasi diambil daripada dua perkataan Greek (Yunani) iaitu ‘demos’ yang bermaksud rakyat dan ‘kratos’ yang bermaksud pemerintahan (Azhar Muhammad, 2002:195). Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga, demokrasi bermaksud pemerintahan oleh rakyat atau wakil yang dipilih dalam pilihan raya. Di Malaysia, wanita Islam turut terlibat dalam pemerintahan negara melalui kemenangan dalam pilihan raya. Orang ramai biasanya memilih pemimpin tidak berdasarkan kebolehan dan kebijaksanaan seseorang memimpin tetapi kerana terpengaruh dengan propaganda mereka ketika berkempen.

Pada pendapat penulis, kaum wanita lebih ramai keluar mengundi semasa pilihanraya dan tentunya mereka mengundi wanita yang masuk bertanding. Kebanyakan pengundi lelaki pula

lebih cenderung memilih pemimpin wanita terutamanya mereka yang mempunyai daya tarikan tersendiri seperti kecantikan paras rupa. Ini dapat dibuktikan apabila seramai 28 orang wanita telah memenangi kerusi Ahli Undangan Negeri (ADUN) dalam pilihanraya di Malaysia pada tahun 1999 (Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, 1999). Keadaan ini bertentangan dengan hadith Rasulullah s.a.w., “Tidak akan berbahagia (berjaya) suatu kaum yang menyerahkan urusan mereka kepada wanita (mengangkat wanita sebagai pemimpin).” (al-Bukhari, 1994:158/6; al-Tirmidzi, 1994:116/4)

Rasulullah s.a.w. telah menjelaskan dalam sabda baginda bahawa pemerintahan di bawah pimpinan seorang wanita tidak akan berjaya. Namun, pada masa kini semakin ramai wanita Islam berjinak-jinak dalam bidang ini kesan daripada pengaruh globalisasi melalui sistem demokrasi.

2) Ekonomi

Seiring dengan perkembangan globalisasi ialah penggunaan teknologi moden yang mempertingkatkan kecekapan. Urusan boleh diselesaikan dengan lebih pantas dan produktiviti meningkat berlipat ganda. Selain itu, pengeluaran peralatan secara berleluasa seperti peralatan memasak, mesin basuh dan sebagainya telah mengubah kehidupan kaum wanita yang mampu membeli peralatan ini. Teknologi menggunakan ketuhar gelombang sebagai ganti kayu api untuk memasak mengurangkan masa memasak sebanyak 75 peratus daripada masa yang pernah diambil (Khalijah Mohd Salleh, 2003). Mesin basuh pula dapat mengurangkan satu lagi beban kerja fizikal wanita tetapi pengurangan masa bagi aktiviti ini sebenarnya tidak memberi banyak masa bagi wanita berehat. Sebaliknya, kaum wanita mengambil peluang untuk keluar bekerja.

Penghijrahan wanita daripada tugas asal mereka sebagai suri rumah kepada pekerjaan di luar rumah merupakan hasil idea gerakan pembebasan wanita Barat (Sidi Gazalba, et. al., 1993:58). Salah satu daripada caranya ialah menggalakkan wanita bekerja di

luar rumah atas tuduhan bahawa wanita yang bekerja di rumah tidak bernilai. Menurut Betty Freid, seorang wanita Yahudi selaku presiden pertama gerakan Pembebasan Wanita di Amerika Syarikat, “Wanita akan dapat memperkenalkan harga dirinya hanya dari nilai kerja yang benar-benar berharga kepada masyarakat kita sahaja iaitu pekerjaan yang lazimnya masyarakat yang membayarnya.” (Sulaiman Noordin, 200:93)

Wanita yang bekerja merasakan tugas keibuan membebaskan sehingga menyebabkan sebahagian daripada mereka merancang keluarga, sedangkan Rasulullah s.a.w. amat berbangga dengan umatnya yang ramai sebagaimana sabda Baginda s.a.w., “Bernikahlah kamu supaya kamu lebih ramai, sesungguhnya aku berbangga terhadap kamu dengan umat (yang ramai) pada hari Kiamat sehinggalah kandungan yang gugur.” (Abu Bakar al-Marday dalam al-Ghazali, 1998:359/2).

Allah telah menetapkan bahawa nafkah ditanggung oleh kaum lelaki dan wanita serta anak-anak merupakan amanah Allah kepada mereka. Oleh itu, wanita tidak sepatutnya berlumba-lumba bekerja di luar rumah. Dalam Islam, wanita tunggal khususnya ibu tunggal, pembiayaan kehidupan mereka ditanggung oleh pemerintah dan masyarakat setempat.

3) Sosial

Dengan perkembangan-perkembangan baru dalam era globalisasi, wanita menjadi semakin terhimpit antara kehendak zaman ini sebagai wanita berkarier dan ‘tanggungjawab tradisional’ sebagai anak, isteri dan ibu. Wanita kini dikatakan perlu menjadi ‘superwoman’ untuk menghadapi cabaran-cabaran alaf baru ini.

Gerakan Emansipasi Wanita atau lebih dikenali sebagai ‘Woman’s Liberation’ merupakan gerakan yang didominasi oleh kaum wanita dalam perjuangan menuntut hak serta kebebasan mereka. Gerakan ini bermula di Barat dan mempengaruhi negara-negara Timur termasuk Mesir dan mendapat perhatian di kalangan wanita-wanita Islam. Antara tuntutan yang dibuat ialah (Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah, et. al., 2002:123):

- 1) Persamaan dalam kuasa perkahwinan, di mana ada persamaan hak dalam akad pernikahan; sama ada bagi gadis atau janda.
- 2) Persamaan hak talak, di mana hak talak lelaki diberi kepada hakim.
- 3) Persamaan dalam perwarisan agar mereka mendapat bahagian yang sama dengan lelaki.
- 4) Dihapuskan hak berpoligami.
- 5) Persamaan dalam persaksian.

Gerakan pembebasan wanita Islam khususnya di Mesir bermula apabila Syeikh Rifaat Rafie al-Tahtawi yang merupakan bekas penasihat pelajar-pelajar di Paris menulis beberapa buah buku dan menyebarkan fahaman-fahaman kebebasan wanita. Antaranya membuka aurat dan percampuran bebas antara lelaki dan wanita serta menyeru supaya wanita mencari pekerjaan di luar rumah. Qassim Amin merupakan orang Islam yang pertama menentang pemakaian purdah bagi wanita Islam melalui bukunya yang berjudul 'Wanita Moden'. Wanita-wanita di Mesir seperti Huda Sha'rawi dan Nabawiyah Musa; mendukung gerakan pembebasan ini melalui ceramah dan penulisan pada pertengahan kurun ke-20 kerana terpengaruh dengan gerakan 'Woman's Liberation' di Barat (Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah, et. al., 2002:124).

4) Keruntuhan Akhlak

Keruntuhan akhlak remaja bukan lagi satu isu baru di Malaysia. Isu mencuri, pergaulan bebas, mengambil pil estacy, melepak dan lain-lain, sering mendapat liputan hangat di dada akhbar. Dalam isu ini, remaja Islam terutamanya wanita tidak terkecuali daripada terlibat sama akibat 'serpihan' daripada budaya Barat yang semakin merebak ke seluruh negara. Antaranya ialah:

i) Perzinaan

Seminar Antarabangsa Mengenai Penduduk dan Pembangunan diadakan di Kaherah, Mesir, pada September 1994 menyatakan

beberapa jenis resolusi yang ingin dijalankan iaitu akta yang mengiktiraf perkahwinan sejenis, kebebasan bagi anak-anak dalam perilaku seks, pengiktirafan anak hasil hubungan luar nikah, dan akta-akta yang jelas bertentangan dengan agama Islam serta agama samawi yang lain (al-Qaradhawi, 2001:28). Akta-akta ini secara tidak langsung memberi kesan yang amat buruk terhadap masyarakat Barat sehingga wanita Islam turut mendapat 'bahananya.'

Majalah Newsweek iaitu sebuah majalah sosial yang diterbitkan di Amerika melaporkan, jumlah pelacuran remaja di Amerika Syarikat meningkat sehingga 70 peratus dalam tempoh setahun. Kebanyakan mereka berusia 13 tahun, malah terdapat juga mereka yang berusia 9 tahun (Hidayatullah.com, 2003). Negara Jepun turut menerima kesan buruk ini apabila dilaporkan seramai 49 peratus wanita di negara itu telah berzina sebelum berkahwin (Berita Minggu, 21 Feb 2005).

Perangkaan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) menunjukkan sepanjang tahun 1993-1996, terdapat sejumlah 567 wanita mengandung luar nikah di 10 buah institusi JKMM yang menunjukkan kebanyakan responden yang melahirkan anak luar nikah berumur antara 18 hingga 20 tahun (Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah, et. al., 2002:96).

Pada tahun 2004, statistik Polis Kuala Lumpur melalui akhbar Utusan Malaysia mendapati, wanita Melayu merupakan kaum yang paling ramai terlibat dengan pelacuran iaitu 60%, diikuti kaum Cina sebanyak 30%, lain-lain kaum 8% dan kaum India dengan peratusan yang paling rendah iaitu 2% (Siswimalaysia, 2004). Ini menunjukkan, kegiatan perzinaan ini merupakan suatu 'penyakit' alaf baru yang memberi impak yang besar dalam kehidupan seharian.

ii) Lesbian

Hubungan sesama jenis atau dikenali sebagai lesbian semakin menular di kalangan masyarakat Barat. Ini bertentangan dengan

fitriah manusia sebagaimana firman Allah yang bermaksud, “Dan kami jadikan kamu berpasang-pasangan” (al-Naba’: 8)

Tamadun Barat pada hari ini cuba menjadikan amalan kaum Luth sah di sisi undang-undang dan mahu menjadikannya suatu amalan yang dibenarkan di peringkat antarabangsa. Keadaan ini samalah seperti amalan lesbianisme iaitu antara wanita dengan wanita. Salah satu pertubuhan yang menganjurkan lesbian ini ialah ‘The Daughter of Bilitis, New York’. Sehubungan dengan itu, salah sebuah akhbar di New York melaporkan, “Pergerakan Pembebasan Wanita mempunyai anggota-anggota yang terdiri daripada wanita lesbian yang telah lama terjebak dalam perbuatan keji. Sesetengah kaum lesbian menganggap lesbianisme merupakan satu bentuk protes politik. Seorang pejuang pergerakan wanita pernah dilaporkan berkata: lesbianisme adalah salah satu jalan ke arah kebebasan daripada penganiyaan kaum lelaki.” (Che Zainon Yusof, 1995:80)

Keadaan ini membimbangkan kita sebagai wanita Islam. Kegiatan anak-anak muda terutamanya perlu diperhatikan dan diawasi lebih-lebih lagi di sekolah-sekolah yang hanya mempunyai pelajar perempuan. Mereka terpengaruh dengan gaya hidup lesbian ini melalui filem-filem Barat yang banyak dijual di pasaran.

iii) Keruntuhan Rumahtangga

Majalah Newsweek edisi Mei 1978 menyiarkan mengenai hasil pengumpulan pendapat para pembaca tentang kehidupan berumahtangga di Amerika menunjukkan separuh daripada pasangan suami isteri di Amerika Syarikat berakhir dengan perceraian, kemudian diadakan akad yang baru, kemudian sekali lagi akan berlaku perceraian (al-Qaradhawi, 1999:53). Di sini jelas membuktikan bahawa kehidupan berkeluarga di Barat mula hancur sejak berbelasan tahun yang lalu dan institusi ini semakin hari semakin menuju ke arah kehancuran. Salah satu faktor kemusnahan keluarga di Barat adalah disebabkan lahirnya keluarga tanpa bapa yang melanggar fitrah sebagai manusia.

iv) Keluarga Tanpa Bapa

Kewujudan keluarga tanpa bapa yang hanya terdiri daripada seorang ibu sahaja di Barat telah mengalami kegagalan. Di Barat telah wujud sebuah bank unik yang dikenali sebagai 'Bank Nobel untuk cairan sperma' yang mengumpulkan sperma daripada tokoh-tokoh yang memenangi anugerah Nobel. Kaum wanita yang ingin memiliki anak yang mempunyai tahap kecerdasan yang tinggi tanpa sebarang ikatan perkahwinan menggunakan khidmat bank ini (al-Qaradhawi, 1999:72).

Menurut David Blackenhorn di dalam bukunya yang berjudul 'Fartherless America: Confronting Our Most Several Social Problem' menyatakan bahawa pada akhir abad yang ke-20, Amerika Syarikat berusaha mencipta semula institusi keluarga yang mempunyai bapa. Pendapat ini disokong oleh 72 peratus rakyat Amerika dalam satu pungutan suara yang berpendapat bahawa ketiadaan bapa dalam rumah sebagai masalah keluarga yang paling serius dihadapi oleh negara mereka. Kanak-kanak yang membesar tanpa bapa mempunyai risiko dua hingga tiga kali ganda untuk menghadapi masalah emosi dan perilaku. Mereka juga berisiko tinggi untuk terbabit dalam penagihan dadah, merokok, minum alkohol (arak), perzinaan dan sebagainya (Hafidzah Mustakim, 2004). Di sini jelas menunjukkan, kesan keluarga tanpa bapa ini akan memberi kesan jangka panjang pada diri anak-anak seperti terlibat dalam masalah keruntuhan akhlak.

Wanita Islam sepatutnya mengambil iktibar daripada masalah kehancuran keluarga di Barat ini dengan membantu suami menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang pemimpin dan bapa di rumah. Keunggulan sesebuah institusi keluarga dapat membentuk masyarakat yang tidak menyalahi norma atau fitrah kehidupan.

GLOBALISASI DAN PERUBAHAN BUDAYA

Pengaruh globalisasi memberi kesan yang besar kepada masyarakat dunia amnya dan wanita Islam khususnya. Boleh diringkaskan pengaruh-pengaruh lain dalam globalisasi:

1) Pakaian

Perkembangan fesyen pada masa kini pesat berkembang dengan pelbagai fesyen yang menjolok mata dan kebaratan. Fesyen-fesyen ini sememangnya tidak menepati kehendak Islam yang mementingkan kesederhanaan dan sopan santun pemakainya.

Dalam kajian Fauziah Ramly untuk bengkel anjuran Asia-Pacific Development Centre pada 1992 terhadap sampel majalah "Her World", didapati 35 peratus halaman diperuntukkan untuk fesyen. Jumlah itu melebihi peruntukan halaman artikel tentang pembangunan luar bandar, alam sekitar, kesihatan dan kerjaya (YADIM, 2004).

Jenama-jenama pakaian yang mahal seperti Bonia, Versace dan Padini turut menjadi pilihan para remaja wanita (Azhar Mad Aros, et., al. 2001: 84). Wanita Islam masa kini lebih cenderung untuk memakai t-shirt dan seluar jeans dengan alasan memudahkan pergerakan mereka tanpa memikirkan hukum mendedahkan aurat.

Selain itu, melalui perkembangan dunia model atau peragawati menjadikan wanita-wanita lain meniru dan mencontohi pakaian yang digayakan oleh mereka. Model-model wanita dieksploitasi oleh pihak-pihak yang tertentu dengan tujuan untuk mengutip derma. Majalah-majalah Barat kerap menggunakan wanita untuk dimuatkan di dalam majalah-majalah seperti "Playboy" yang mana pelanggannya terdiri daripada kaum lelaki (Che Zainon Yusof, 1995:130). Di sini jelas menunjukkan bahawa globalisasi memberi kesan yang besar terhadap wanita tanpa mereka sedari.

2) Hiburan

Pada masa kini, muzik, nyanyian, filem, kartun dan komik dari Barat telah menembusi pasaran dunia. Media massa merupakan wahana utama dalam menyebarkan unsur-unsur luar termasuklah yang negatif. Di Malaysia, terdapat lebih daripada 30 saluran tempatan, Indonesia, Thailand, Filipina, Singapura dan termasuklah televisyen satelit seperti ASTRO dan MEGA TV. Rangkaian televisyen CNN dan stesyen-stesyen televisyen antarabangsa yang lain sentiasa melaporkan model-model ciptaan terbaru dengan bantuan teknologi komunikasi moden, mendapat perhatian yang sangat menggalakkan di seluruh dunia.

Melalui rangkaian televisyen inilah budaya-budaya Barat diserapkan ke dalam jiwa masyarakat sehingga pelbagai rancangan yang bercorak hiburan yang 'diciplak' daripada Barat seperti Survivor, American Idols telah menjadi kegilaan di kalangan masyarakat melalui siri-siri seperti Akademi Fantasia, Audition, Malaysian Idols, Top Star dan sebagainya (Mohd Azhar Abdul Hamid, 2004: 469). Rancangan-rancangan ini sudah tentunya digemari oleh kaum wanita. Iklan-iklan kecantikan seperti jika inginkan rambut yang lurus seperti teknik rebonding, perlu menggunkan jenis syampoo tertentu. Iklan-iklan ini mempengaruhi wanita untuk membeli barangan tersebut tanpa mengetahui kesahihan dan kelebihan syampoo tersebut. Jika sesuatu iklan itu menggunakan artis, semakin ramailah wanita yang terpedaya lebih-lebih artis kegemaran mereka yang memperagakannya.

Cara dan gaya hidup penghibur-penghibur ini menjadi ikutan anak-anak muda masa kini terutamanya remaja wanita tanpa menghiraukan gaya hidup penghibur yang bersifat negatif. Ketaksuban mereka diterjemahkan melalui perbuatan menampal poster-poster artis idaman masing-masing di dalam bilik, almari dan yang paling tidak disangka, mereka turut menampal pada buku-buku nota pembelajaran.

3) Makanan

Globalisasi telah membina rangkaian francais-francais makanan segera seperti Kentucky Fried Chicken, Mcdonald, Pizza Hut dan Kenny Rogers, yang telah menjadi tumpuan utama industri makanan dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan di negara-negara Islam. Minuman-minuman berkarbonat seperti Coca Cola, Pepsi, Seven Up dan 100 Plus telah menjadi lumrah di kalangan masyarakat malah dijadikan sebahagian daripada juadah sambutan hari raya di Malaysia (Ghazali Darussalam, 1998:113).

Globalisasi yang disebarkan melalui agen makanan menyebabkan masyarakat masa kini mengabaikan kepentingan pemakanan seimbang yang diperlukan oleh badan. Para ibu yang sibuk bekerja sehingga tidak sempat menyediakan juadah makanan untuk keluarga, sanggup menghabiskan berpuluh-puluh ringgit untuk membeli makanan segera yang kurang berkhasiat. Akibatnya, ramai wanita pada masa kini yang menghidap pelbagai penyakit kronik seperti kanser.

4) Sukan

Sukan merupakan aktiviti riadah yang amat bermanfaat untuk kesihatan badan. Aktiviti sukan di zaman globalisasi ini tidak menepati tuntutan Syara' di mana pakaian khususnya bagi kaum wanita tidak menutup aurat. Undang-undang pakaian bagi acara sukan tertentu seperti renang dan gimnastik sememangnya bertentangan dengan Islam. Namun, ramai ibu bapa masa kini menghantar anak-anak mereka untuk mengikuti kelas-kelas gimnastik dan renang dengan harapan anak-anak mereka dapat mewakili sekolah atau ke peringkat yang lebih tinggi bagi acara ini.

Selain itu, acara-acara sukan yang lasak turut diperkenalkan kepada wanita seperti bola sepak, ragbi, basikal, renang, gimnastik, hoki dan sebagainya. Hakikatnya, permainan ini langsung tidak melambangkan kesopanan dan kelembutan seseorang wanita sebaliknya menjadikan wanita bersifat lasak,

kasar dan agresif yang sama sekali bertentangan dengan fitrahnya sebagai wanita. Aktiviti sukan ini tidak sepatutnya menjadikan wanita lalai daripada menunaikan kewajipan agama. Oleh itu, kaum wanita perlu mengimbangkan antara kehendak diri iaitu bersukan dengan kewajipan agama dalam menghadapi cabaran di era globalisasi ini.

5) Pertandingan Ratu Cantik

Pertandingan ratu cantik merupakan kegiatan yang diadakan di Barat yang bertujuan untuk mendapatkan keuntungan yang besar melalui iklan, poster, jualan majalah ke seluruh dunia. Pemenang pertandingan ini akan diberikan gelaran seperti 'ratu fotogenik', 'ratu kebaya', 'ratu pesta' dan sebagainya. Fanasia Siger menyebutkan, "Misi yang dibawa oleh pelaksana konteks kecantikan ini menelan dana yang besar telah memberi kesan yang negatif bagi wanita biasa yang menjadi ibu terutama yang ditakdirkan menjadi wanita yang memiliki bentuk tubuh dan wajah yang tidak cantik. Mereka menjadi tidak percayakan diri; sama ada di rumah atau di tempat kerja." (al-Qaradhawi, 2001:70)

Selain itu, keadaan ini juga menyebabkan penyakit jiwa seperti Anorexia Nervosa iaitu merasa tidak berpuas hati dan jijik walaupun pada hakikatnya, dirinya cantik sehingga menyebabkan timbul kegelisahan, tidak mahu makan dan kadang kala berakhir dengan kematian (al-Qaradhawi, 2001:72). Pada masa kini, penyakit ini semakin berleluasa.

Pengusaha-pengusaha barat mempromosikan produk-produk kecantikan seperti Avon, Maybeline dan Christian Dior dengan tujuan supaya wanita-wanita Islam turut terpengaruh dengan pertandingan ratu cantik dan membeli barangan mereka (Azhar Mad Aros, et. al., 2001:84). Sebahagian wanita Islam sanggup membuat pembedahan plastik dan mewarnakan rambut semata-mata untuk kelihatan lebih cantik dan menawan.

HIJRAH UNTUK MEMBANTU WANITA DALAM MASYARAKAT HADHARI DALAM ERA GLOBALISASI

Umat Islam terutamanya kaum wanita perlu mengambil iktibar daripada ingatan Rasulullah s.a.w. dalam hadis baginda: Abu Hurairah melaporkan, Nabi Muhammad s.a.w. bersabda, “Orang mukmin tidak akan masuk lubang sama ada dua kali.” (Bukhari, 1994, Muslim, 2001)

Kini, suatu gelombang baru atas nama ‘globalisasi’ disebarikan ke seluruh dunia. Justeru itu, semua umat Islam khususnya wanita perlu berhati-hati supaya tidak terpedaya dengan agenda-agenda Barat.

Wanita Islam memainkan peranan penting untuk mengembalikan martabat mereka daripada dieksploitasi oleh Barat. Firman Allah:

—

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri.”
(al-Ra’d: 11)

Oleh itu, setiap wanita Islam perlu kembali kepada ajaran Islam yang sebenar bagi mengatasi kesan negatif globalisasi ini. Langkah-langkah yang boleh diambil bagi menjaga diri wanita daripada terpengaruh globalisasi negatif ialah:

1) Al-Quran Dan Al-Sunnah Dijadikan Asas Rujukan Hidup Wanita

Umat Islam perlu menghayati tuntutan Allah melalui al-Quran dan al-Sunnah. Firman Allah S.W.T.:

{

Maksudnya: “Maha suci Allah yang telah menurunkan al-Furqaan (al-Quran) kepada hamba-Nya, agar dia menjadi pemberi peringatan kepada seluruh alam.

(al-Furqaan: 1)

Begitu juga dalam firman-Nya yang lain:

x

Maksudnya: “Dan ini (al-Quran) adalah Kitab yang telah Kami turunkan yang diberkahi; membenarkan kitab-kitab yang (diturunkan) sebelumnya dan agar kamu memberi peringatan kepada (penduduk) ummul Qura (Mekah) dan orang-orang yang di luar lingkungannya.


(al-An’am: 92)

Kedua-dua ayat ini disokong oleh sabda Rasulullah s.a.w, “Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang kamu tidak akan sesat selagi kamu berpegang dengan kedua-duanya iaitu Kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya.” (Riwayat Malik b. Anas, 1988)

Umat Islam perlu menterjemahkan al-Quran dan al-Sunnah supaya bersesuaian dengan perkembangan serta kemajuan manusia pada hari ini tanpa mengingkari perintah Allah dan Rasul dalam usaha menangani kesan buruk globalisasi.

2) Mengamalkan Cara Hidup Islam Yang Syumul

Rajah I menggambarkan keseluruhan Islam yang menjadi pedoman kepada umat Islam dalam mengamalkan ajaran Islam yang syumul. Keseluruhan ajaran Islam ini mampu memberikan satu kehidupan yang sempurna dan mampu memberikan perlindungan kepada pengamalnya daripada sebarang kerosakan kehidupan insan terutamanya apa yang dibawa oleh globalisasi.



Rajah 1: Cara Hidup Islam yang Syumul
(Adaptasi daripada Ghazali Darusalam,1998:123)

3) Akidah dan Iman

Berpegang dengan akidah yang benar lagi murni adalah teras atau syarat pertama bagi seseorang yang mengaku dirinya beragama

Islam dan menjadikan Islam sebagai cara hidupnya (Fathi Yakan, 2000:15). Pegangan akidah ini mestilah selari dengan al-Quran dan al-Sunnah. Firman Allah S.W.T:

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, penuhilah seruan Allah dan seruan Rasul apabila Rasul menyeru kamu kepada perkara-perkara yang menjadikan kamu hidup sempurna.

(al-Anfaal: 24)

Menurut Imam Hassan al-Banna, mengenal Allah merupakan kekuatan yang memimpin perubahan dan yang mengubah manusia dari satu keadaan kepada suatu keadaan yang lain. Al-Maududi menjelaskan hubungan iman dan Islam, “Hubungan antara Islam dan Iman adalah laksana hubungan antara pokok dengan akarnya sebagaimana seponok pokok tidak dapat tumbuh dan hidup tanpa akarnya. Demikianlah pula seseorang itu tidak dapat menjadi Muslim tanpa mempunyai keimanan.” (Sulaiman Endut, 1995:12)

Dengan iman, seseorang itu akan terdorong untuk melakukan amalan-amalan soleh yang akan membawa kebaikan kepada seluruh umat manusia.

4) Syariah

Syariah daripada sudut bahasa bermaksud jalan yang lurus sebagaimana firman Allah:

Maksudnya: “Kemudian kami jadikan kamu berada di atas suatu syariat (peraturan) dari urusan (agama itu), maka ikutilah syariat itu dan janganlah kamu ikuti hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui.

(al-Jaatsiyah: 18)

Menurut istilah, syariah bererti segala hukum-hukum yang diperundangkan oleh Allah ke atas hamba-Nya supaya mereka beriman dan beramal dengannya untuk mendapat kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Syariah ini meliputi tiga aspek iaitu ibadah, muamalat dan munakahat.

Ibadah merupakan hubungan antara manusia dengan Allah yang meliputi cara bersuci, solat, puasa, zakat, sedekah, haji, umrah, zikir, taubat dan lain-lain. Muamalat pula merupakan keperluan dalam kehidupan yang merangkumi hal-hal jual beli, perdagangan, gadaian, perusahaan dan sebagainya. Manakala munakahat, berkaitan dengan kekeluargaan dan keturunan seperti nikah kahwin, wali, penyusuan, hadanah dan sebagainya.

5) Ihsan

Ihsan menurut bahasa bererti bekerja dengan baik, beramal dan berusaha dengan tekun. Daripada segi istilah pula bermaksud mengabdikan diri kepada Allah dengan melakukan ibadah kepada-Nya menurut cara yang sebaik-baiknya (Rosmawati Ali, et. al, 1998:65). Umar b. Khattab melaporkan, “Pemuda itu bertanya, ‘Jelaskan kepadaku apa itu ihsan?’ Rasulullah menjawab, ‘Ihsan itu bahawa engkau menyembah Allah seolah-olah engkau melihat-Nya, tetapi jika engkau tidak melihat-Nya, maka sesungguhnya Allah melihat engkau.’” (Riwayat Muslim, 2001:30-31)

Seseorang yang bersifat ihsan akan melakukan sesuatu amalan atau pekerjaan dengan cara yang terbaik dan sentiasa berusaha memperbaiki serta mempertingkatkan amalannya. Umat Islam dituntut oleh Allah supaya bersungguh-sungguh dalam memenuhi kehendak agama bagi melahirkan suasana yang harmoni dalam keluarga, masyarakat dan negara. Firman Allah:

Maksudnya: “Dan orang-orang yang berjihad untuk (mencari keredaaan) Kami, benar- benar akan Kami tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami. Sesungguhnya Allah benar-benar berserta orang-orang yang berbuat baik.”

(al-Ankabut: 69)

6) Akhlak

Apabila akidah dan iman, syariah yang meliputi ibadah, muamalat dan munakahat serta ihsan diamalkan dalam kehidupan secara sempurna dan berterusan (istiqamah), secara tidak langsung, dapat membentuk akhlak yang mulia dalam diri seseorang muslim. Menurut Ibnu Maskawih, akhlak ialah keadaan jiwa seseorang yang mendorongnya untuk melakukan perbuatan-perbuatan tanpa perlu pertimbangan fikiran terlebih dahulu (Sulaiman Noordin, 2000:70). Akhlak merupakan sifat rohani (dalaman) manakala perilaku merupakan terjemahan atau kesan daripada akhlak. Firman Allah:

Maksudnya: “Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah.”

(al-Ahzab: 21)

Rasulullah s.a.w. bersabda, “Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.” (Riwayat Ahmad, 1980)

7) Khalifah

Rentetan daripada kesempurnaan dalam keempat-empat aspek tersebut, maka akan lahir lah sistem khalifah iaitu sistem pemerintahan berlandaskan Islam. Setiap muslim merupakan

pemimpin bagi diri, keluarga dan negara. Melalui kepemimpinan negara atau disebut juga sebagai politik, maka, lahirlah konsep jihad dan ribat (mempertahankan negara) serta undang-undang jenayah yang merangkumi hudud, qisas dan ta'zir. Firman Allah:

Maksudnya: “Dan Allah telah berjanji kepada orang-orang yang beriman antara kamu dan orang yang mengerjakan amal-amal soleh bahawa Dia sungguh-sungguh akan menjadikan mereka berkuasa di muka bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang sebelum mereka berkuasa, dan sungguh Dia akan meneguhkan bagi mereka agama yang telah diredai-Nya untuk mereka, dan Dia benar-benar akan menukar (keadaan) mereka, sesudah mereka dalam ketakutan menjadi aman sentiasa. (al-Nur: 55)

Dalam ayat tersebut, Allah menerangkan bahawa Dia akan menjadikan manusia sebagai khalifah di muka bumi ini dengan syarat mereka beriman dan beramal soleh yang dapat digambarkan melalui rajah 1.

PENUTUP

Islam merupakan agama yang lengkap dan sempurna dalam semua bidang kehidupan di mana ia bersifat syumul (menyeluruh) atau boleh juga dikatakan global. Dalam konsep global, umat Islam perlu menterjemahkan al-Quran dan al-Sunnah mengikut peredaran zaman dan bersifat terkini selagi ia tidak bercanggah dengan perintah-perintah Allah dan Rasul-Nya. Pegangan yang teguh terhadap Islam dapat mengatasi masalah kesan-kesan negatif globalisasi khususnya terhadap wanita Islam.

RUJUKAN

- _____ (1998). Kamus Dewan Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Basmeih (1982). Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ahmad b. Hanbal (1980). Musnad al-Imam Ahmad. Mesir: Dar al-Ma'arif.
- Al-Bukhari (1994). Sahih Al-Bukhari. Beirut: Jil. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr. Sunt. Syeikh Abd. Aziz Abdullah.
- Al-Ghazali (1988). Ihya' Ulum al-Din. Kuala Lumpur: Victory Agensi. Jil 1-8.
- Al-Qaradhawi, Yusof (1999). Tamadun Islam Alternatif Masa Depan. Selangor: Maktabah al-Qaradhawi.
- Al-Qaradhawi, Yusof (2001). Islam dan Globalisasi Dunia. Jakarta: Pustaka al-Kautsar.
- Al-Tirmidzi (1994). Sunan al-Tirmidzi. Beirut: Dar al-Fikr. Jil 1-5.
- Azhar Mad Aros, Azharuddin Mohd Dali, Arba'iyah Mohd Noor dan Salina Zainol (2001). Titas Kertas 1. Selangor; Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Azhar Muhammad (2002). Pengantar Institusi-institusi Islam. Johor: Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial.
- Che Zainon Yusof (1995). Penyelewengan Wanita Menurut Pandangan Islam. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Fathi Yakan (2000). Apa Ertinya Saya Menganut Islam. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- Ghazali Darusalam (1998). Dakwah Islam Dan Ideologi Barat. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Hafidzah Mustakim (2004). Wadah Wanita Islam: Kemahiran Bapa Mendidik Anak Elak Gejala Sosial. [Http://www.jim.org.my/modules.php?name=news&file=article&sid=69](http://www.jim.org.my/modules.php?name=news&file=article&sid=69).

- Hidayatullah.com, 14hb. Ogos, 2003. Pelacur Remaja Meningkatkan di AS. <http://www.hidayatullah.com/modules.php?name=news&file=article&sid=617>
- Hussin Salamon (2002). Islam dan Isu-isu semasa. Johor: Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial.
- Khadijah Mohd Salleh, 2003. <Http://www.bernamacom/events/ulama/rpp.shtml?km/kmkhalijah>
- Malik b. Anas (1988). Al-Muwatta'. Beirut: Dar ihya' Ulum.
- Mohd Azhar Abdul Hamid (2004). Wajah Moral Masyarakat Melayu Pasca Moden: Antara Realiti, Harapan Dan Gagasan Pendidikan Moral Tinggi. Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIK2005). Langkawi: Universiti Utara Malaysia.
- Muslim, Abu al-Husain Muslim b. al-Hajjaj b. Muslimal-Qushairi al-Nisaburi (2001). Sahih Muslim. Beirut: al-maktabah al-Asriyyah.
- Rosmawati Ali@Mat Zin dan Abdul Latif Muda (1998). Pengantar Ilmu Tauhid. Kuala Lumpur; Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Sidi Gazalba dan Zainab Ismail (1993). Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siswimalaysia. Wednesday 18 feb 2004. Kertas Fakta Pelacuran, Lucuh dan Eksploitasi Wanita. <http://sufisiber.tblog.com>.
- Sulaiman Endut (1995). Asas-asas Fardu Ain. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Sulaiman Noordin (2000). Islam, al-Quran dan Ideologi Masa Kini. Bangi: pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah, Munif Zariruddin Fikri Nordin dan Solahuddin Ismail (2002). Tamadun Islam Suatu Sorotan. Pahang: PTS Publications & distributors Sdn. Bhd.
- YADIM, 2004. wanita dalam Media: Apresiasi atau eksploitasi? <Http://www.yadim.com.my/Wanita/wanitaFull.asp?offset=10&WanitaID=63>